

08 MAR 2004

UUM ANUGERAH "ANUGERAH MAHAPUTRA" KEPADA DR MAHATHIR

ALOR STAR, 8 Mac (Bernama) -- Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganugerahkan "Anugerah Mahaputra" kepada Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai menghargai sumbangan bekas Perdana Menteri itu kepada universiti berkenaan.

Anugerah itu juga merupakan pengiktirafan oleh Alumni UUM kepada Dr Mahathir yang banyak menyumbang kepada penubuhan dan pembangunan UUM sebagai universiti yang cemerlang dalam bidang pengurusan, menurut Penolong Pengarah (Perhubungan Awam) UUM Suraya Deraman dalam satu kenyataan hari ini.

Dr Mahathir akan menerima anugerah itu pada Majlis Bankuet Diraja Alumni UUM yang akan diadakan di Hotel Palace of The Golden Horses di Sri Kembangan, Selangor, Jumaat ini.

Sultan Kedah selaku Canselor UUM berkenan mengurniakan anugerah itu kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAN RHM